



BAHASA KEBANGSAAN DALAM SEKTOR SWASTA MELUKUT DI TEPI GANTANG

OLEH JENIRI AMIR

Ketika menjalankan soal selidik, para pembantu penyelidik penulis sering merungut apabila mereka meminta syarikat swasta untuk mengisi borang soal selidik dalam bahasa Melayu. Ada yang terang-terangan menyatakan bahawa mereka tidak faham bahasa Melayu. Ketika turun ke akar umbi, mereka juga berdepan dengan masalah yang sama dalam kalangan anggota masyarakat tertentu di negara ini.

Tentu, sebagai orang yang telah memerhatikan perkembangan dan pertumbuhan bahasa Melayu selama lebih 30 tahun, penulis terkejut dengan fenomena itu. Penulis tidak menjangkakan bahawa perkara seperti ini berlaku meski pelbagai usaha dilaksanakan untuk memupuk penguasaan dan cinta rakyat terhadap bahasa itu. Sungguh kecewa kerana masih ada rakyat di negara ini tidak menguasai bahasa Melayu, baik dari segi pertuturan mahupun penulisan. Malah, mereka tidak faham akan bahasa tulisan yang mudah. Hal ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan generasi berusia, tetapi juga generasi muda. Di manakah silapnya sehingga berlaku fenomena sedemikian? Adakah perkara sedemikian berlaku di negara lain? Keadaan ini bukan sahaja membuktikan kegagalan tahap pendidikan dan penyediaan sikap cinta terhadap bahasa kebangsaan, malah juga mencerminkan sikap negatif sebahagian rakyat kita terhadap bahasa yang sepatutnya dijunjung tinggi.

Pastinya, fenomena sedemikian tidak berlaku di negara lain. Hanya di negara yang mengamalkan dasar bebas dalam soal bahasa dan sistem pendidikan sahaja, keadaan sedemikian berlaku. Di manakah di dunia ini sebagai contoh, di ibu kota negara terbabit, buku dalam bahasa kebangsaan, tidak mendominasi kedai buku? Hanya di Malaysia! Jika tidak percaya, pergi sahaja ke Manila, Bangkok, Paris, Beijing, Seoul, Tokyo dan Indonesia. Di negara terbabit, buku dalam bahasa kebangsaan mendominasi rak-rak buku. Buku dalam bahasa Inggeris dan bahasa lain hanya sedikit. Ketika berkunjung ke sebuah kedai buku terbesar di Seoul baru-baru ini, penulis dapati buku dalam bahasa Korea menguasai rak-rak buku, dengan buku dalam bahasa Inggeris hanya sekitar 50 judul. Kebanyakan buku adalah dalam bahasa Korea, termasuklah dalam bidang kewangan, perniagaan, ekonomi, teknologi, kejuruteraan, dan seumpamanya. Keadaannya lain di Kuala Lumpur. Kunjungalih semua kedai buku ternama dan besar di ibu kota. Buku dalam bahasa Melayu sekadar berada di pinggir. Ketika mengunjungi Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2017 baru-baru ini, saya dapati lebih daripada 95 peratus ialah Melayu. Saya tidak melihat banyak orang Cina dan India di pesta berkenaan yang sebahagian besarnya menjual buku dalam bahasa Melayu.

Tentu ada sesuatu yang tidak kena di negara ini yang berkaitan dengan sikap sebahagian rakyatnya terhadap



Ucapan dalam bahasa Inggeris di khalayak tidak wajar dipraktikkan hanya kerana terdapat segelintir warga asing dalam acara tersebut.

bahasa kebangsaan negara. Kita tidak boleh membiarkan fenomena ini berlanjutan. Jangan tunggu sampai Transformasi Negara (TN50)! Jika tidak, kita akan terus merungut, mengadakan seminar membincangkan isu ini, mengadakan bulan bahasa, menjalankan kajian tentang penggunaan bahasa Melayu di sektor swasta, kita akhirnya akan terus memperkatakan isu ini seratus tahun dari sekarang. Adakah negara lain mengadakan kempen bulan bahasa seperti kita hanya untuk menyemai kecintaan rakyat terhadap bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi mereka? Realitinya, selepas Malaysia dibentuk 54 tahun lalu, bahasa Melayu masih belum difahami dan dicintai sebahagian rakyat negara ini.

Itu belum lagi mengambil kira sikap mereka terhadap bahasa Melayu. Bagi sesetengah rakyat, bahasa Melayu tidak lebih daripada sekadar mata pelajaran dalam sistem pendidikan. Mereka juga mempelajarinya dengan bersungguh-sungguh hanya untuk mendapat A, dan seterusnya mendapat biasiswa kerajaan jika keputusan cemerlang. Selepas itu, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan sudah tidak lagi mempunyai tempat dalam jiwa mereka. Bagi golongan ini, bahasa itu sama sekali tidak penting dalam kehidupan dan kerjaya mereka.

Bahasa Melayu menjadi hamba di buminya sendiri kerana sikap segelintir pemimpin politik, pemimpin industri dan rakyat pada keseluruhannya. Adakah bahasa Melayu hanya kelihatan gah dalam sektor tertentu, tetapi tidak mempunyai taring dalam sektor swasta? Mengapakah begitu sukar untuk pihak terbabit menggunakan bahasa Melayu dalam bidang ekonomi, perniagaan, teknologi, dan sebagainya? Mengapakah bahasa kebangsaan harus bergelut untuk hidup dan berkembang sesudah sekian lama dinobatkan sebagai bahasa rasmi negara? Bahasa melambangkan bangsa. Bahasa Melayu pernah diangkat sebagai bahasa perdagangan. Namun kini, semakin bangsa menuju ke arah pemodenan, di mana kedudukan bahasa Melayu dan ke arah mana pula hala tujunya? Bahasa Melayu kian layu di bumi sendiri. Apakah usaha dan sumbangan kita sebagai rakyat Malaysia untuk

memperjuangkan bahasa yang semakin terpinggir ini? Adakah dengan hanya menuding jari dan menyalahkan sesama sendiri boleh mengagungkan semula bahasa ini?

Untuk mengukur bagaimana sikap sesetengah pihak terhadap bahasa Melayu, tengok sahaja bahasa yang digunakan dalam sesetengah majlis anjuran mereka. Sikap demikian juga berlaku dalam majlis anjuran kerajaan. Tidak usahlah kita bersikap hiipokrit hanya untuk menyedapkan rasa walau banyak telah berubah sejak bahasa itu diperkenalkan sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di negara ini. Sektor swasta masih lagi tidak begitu menitikberatkan dan mempedulikan aspek penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan yang melibatkan dokumentasi, hebahan, seminar, perniagaan, dan sebagainya.

Sebagai contoh, disebabkan hanya sebilangan kecil warga asing yang menyertai sebarang aktiviti yang dianjurkan, mereka bertindak menggunakan bahasa Inggeris. Padahal, majoriti peserta program atau acara berkenaan dihadiri oleh rakyat negara ini. Adakah kerana kita berasa malu dan rendah diri jika tidak menggunakan bahasa Inggeris? Atau sesuatu acara tidak layak dianggap sebagai bertaraf antarabangsa hanya kerana tidak menggunakan bahasa Inggeris? Mengapakah kejadian seumpama itu berlaku? Adakah mereka tidak begitu yakin dengan penggunaan bahasa kebangsaan dalam sebarang urusan walhal mereka berada di bumi Malaysia? Atau mereka memang memandang rendah terhadap bahasa Melayu, kerana menyifatkan bahasa itu sebagai tidak



ada 'kelas'? Segala yang Melayu, bagi mereka membawa konotasi buruk! Atau mereka berasa tidak bersalah? Bagi mereka, untuk apa menggunakan bahasa Melayu, sedangkan pemimpin, ahli perniagaan dan golongan korporat Melayu pun tidak menggunakan bahasa itu?

Penggunaan dalam sektor swasta masih pada tahap minimum. Peminggiran penggunaannya dalam sektor swasta merupakan masalah yang perlu diberikan perhatian serius. Di negara ini, seolah-olah jika apa-apa sahaja berkaitan dengan sektor swasta, termasuk perniagaan, mestilah dalam bahasa Inggeris. Tanggapan dan tembok prasangka sedemikian perlu diruntuhkan. Perlu disemaikan dalam diri, bahawa bahasa Melayu juga mempunyai tempat dalam sektor swasta. Jika tidak, sampai bila-bila pun bahasa itu akan terus tidak digunakan dalam acara dan majlis memabitkan sektor swasta. Bahasa itu akan menjadi melukut di tepi gantang dalam sektor berkenaan. Hakikatnya, kedudukannya tidaklah seperti sepatutnya. Sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, bahasa Melayu sepatutnya diberikan tempat tertinggi. Semua pihak sepatutnya menggunakan bahasa itu dalam hal-hal yang berkaitan dengan urusan rasmi dan berkaitan dengan rakyat negara ini. Namun realitinya, bahasa Melayu dipinggirkan dalam sektor swasta. Jika keadaan dan sikap negatif sekarang masih wujud, sampai bila-bila pun bahasa Melayu tidak akan mempunyai tempat dalam sektor swasta. Tunggu TN50, dalam tempoh 33 tahun lagi pun, kita tidak akan melihat bahasa itu digunakan secara meluas dan membanggakan dalam sektor swasta.

Bahasa Melayu telah berjaya menjadi bahasa komunikasi, bahasa perantara, bahasa pergaulan antara daerah, wilayah dan antara suku kaum, bahasa penting dalam sektor pentadbiran, pendidikan dan beberapa lagi. Sayangnya, bahasa ini mengalami ketempangan apabila penggunaannya tidak meluas dalam sektor swasta dan dalam bidang-bidang tertentu.

Dalam zaman pembinaan negara, misi raksasa pemimpin dan rakyat adalah untuk mendaftarkan bahasa Melayu dan membinanya sebagai bahasa ilmu, bahasa pentadbiran, dan bahasa budaya tinggi yang mampu mendukung pengucapan struktur pemikiran moden



Negara tidak memerlukan bahasa kedua untuk terus kekal berdaya saing.

dan canggih. Namun begitu, perkembangannya terencat kerana sektor swasta masih mengabaikan bahasa itu dalam sebarang urusan dan komunikasi mereka. Adakah kerana sektor itu dikuasai oleh bukan Melayu? Tetapi bagaimana dengan ahli korporat dan syarikat yang dimiliki oleh orang Melayu?

Bahasa Melayu dianggap tidak intelek, tidak sempurna kerana korpus ilmunya terbatas, tidak bersifat antarabangsa, tidak standard dan berprestij dan hanya sesuai digunakan di rantau ini meskipun penuturnya melebihi 250 juta orang. Kita tidak dapat menolak persepsi sedemikian juga mencengkam kuat dalam kalangan pekerja sektor swasta, terutama pada peringkat pengurusan tertinggi. Jika anda rajin meneliti perbualan golongan ini tentang kepentingan bahasa Inggeris, anda akan terhiris perasaan. Seolah-olah bahasa Melayu langsung tidak mempunyai daya dan nilai. Seolah-olah mereka yang menggunakan bahasa Melayu itu tidak layak bekerja di sektor swasta. Hari ini, mereka yang tidak pandai dalam bahasa Inggeris akan dianggap tidak pandai, dan belum lagi cukup pandai. Hanya mereka yang fasih berbahasa Inggeris disifatkan sebagai individu yang ada "kelas" dan layak bekerja di sektor swasta. Jadi, jangan harap untuk bekerja di sektor swasta jika anda hanya fasih dalam bahasa Melayu. Jika anda tidak pandai menulis surat dalam bahasa Inggeris dan tidak dapat menjawab dengan baik dalam bahasa Inggeris ketika temu duga memabitkan pekerjaan dalam sektor swasta, anda hanya berangan-angan untuk bekerja di sektor berkenaan.



Hakikat bahawa bahasa kebangsaan tidak mempunyai tempat dalam sektor swasta mempunyai implikasi yang besar dan mendalam dari segi politik, sosial, budaya, psikologi, ekonomi dan masa hadapan negara. Ada kesan rendah diri yang maha hebat akhir-akhir ini terhadap bahasa Melayu akibat daripada sikap sedemikian. Ketika bahasa itu sudah diterima oleh rakyat negara ini, dan sistem pendidikan berjaya menggunakannya hingga ke peringkat pascasiswazah di semua universiti awam, keadaan ini amatlah mengecewakan. Bahasa Melayu akan terus terpinggir kerana mereka yang hanya menguasai bahasa itu pasti tidak punya tempat dalam sektor swasta.

Kelihatannya, bahasa Melayu bagi menderita di negaranya sendiri. Nasibnya amat malang gara-gara dasar dan amalan sesetengah pemimpin dan rakyat di negara ini sendiri. Jangan salahkan bahasa itu. Salahkan mereka yang tidak mepedulikan bahasa itu.

Sebenarnya, kenyataan golongan definitif, termasuklah elit politik yang menekankan pentingnya bahasa Inggeris bagi menguasai ilmu dan maklumat, serta perhubungan antarabangsa dan sektor swasta telah sedikit banyak menjejaskan keyakinan dan peranan bahasa Melayu yang dibina dengan bersungguh-sungguh selama ini.

Keadaan ini memberikan kesan yang mendalam dari segi pengambilan pekerja, terutama ke sektor swasta, lebih-lebih lagi banyak pemimpin yang menyatakan salah satu faktor utama yang menyebabkan 200 000 siswazah menganggur ialah kelemahan mereka bertutur dalam bahasa Inggeris. Walhal, banyak lagi faktor lain yang menyebabkan berlakunya pengangguran, termasuklah dari segi penguasaan dan pemilikan ekonomi oleh kaum tertentu sekali gus akan meminggirkan bahasa Melayu daripada kedudukannya, dan akhirnya menggagalkan peranannya sebagai alat pembentukan kebudayaan kebangsaan yang kita perjuangkan untuk sekian lama. Langkah membiarkan bahasa Inggeris

mengambil tempat utama sebagai bahasa perdagangan dan dalam sektor swasta akan menggagalkan cita-cita merealisasikan TN50. Transformasi sosial rakyat Malaysia tidak mungkin berlaku sekiranya peranan bahasa Melayu sebagai wahana komunikasi dalam pelbagai bidang tidak diberi keutamaan.

Menyadari hakikat tersebut, penggubal dan perumus TN50 perlu mengambil kira peranan dan kedudukan bahasa kebangsaan dalam sektor swasta dan perdagangan. Janganlah bahasa Melayu menjadi anak tiri di negaranya sendiri. Sepatutnya, sektor swasta di negara ini mengambil iktibar daripada amalan dalam sektor swasta di Jepun, Korea, Taiwan, Perancis, malah Thailand dan Indonesia. Kita perlu memajukan bangsa dan tamadun melalui bahasa kita sendiri. Tugas ini tidak sepatutnya diserahkan kepada sektor awam semata-mata. Sektor swasta juga perlu memainkan peranan untuk memartabatkan bahasa Melayu. Mereka perlu menghormati bahasa itu sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa rasmi negara. Yang lebih penting, sektor swasta perlu dilihat komited menggunakannya dalam surat-menyurat, komunikasi dan acara yang dianjurkan. Adakah semua ini sekadar mimpi pada siang hari atau omong kosong semata-mata? ■

“ Bahasa Melayu bagi menderita di negaranya sendiri. Nasibnya amat malang gara-gara dasar dan amalan sesetengah pemimpin dan rakyat di negara ini sendiri. Jangan salahkan bahasa itu. Salahkan mereka yang tidak mepedulikan bahasa itu. ”

